

Kekasih bukan Islam

Pemuda bimbang keluarga tidak terima teman wanita

KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin
Dr Sapora Sipon
rencana@metro.com.my

? Saya mengenali seorang wanita (saya namakan sebagai A) lima tahun lalu. Bermula sebagai rakan biasa, akhirnya kami menjadi kekasih.

Perwatakannya yang lembut banyak mengubah saya, daripada seorang panas baran kepada lelaki penyabar.

Suatu hari, saya menerima berita yang mengejutkan daripadanya. Saya benar-benar tidak menyangka A bukan Islam.

Pada mulanya, saya ingatkan dia bergurau. Rupanya memang benar A seorang yang beragama Kristian. Saya keliru ketika itu kerana tidak pernah ada kawan yang beragama selain daripada Islam.

Minat A terhadap Islam memang mendalam. Ini membuatkan saya berharap suatu hari nanti A akan memeluk Islam. Saya mahu hidup secara sah bersama A selama-lamanya.

Pada akhir tahun lalu, A berpindah ke selatan tanah air mengikut keluarganya. Saya menjadi tidak keruan kerana merindunya.

Dr, saya memang berniat memperkenalkan A kepada keluarga tetapi berasa ragu-ragu sama ada mereka dapat terimanya atau tidak.

Jika tidak, saya akan ke-

hilangan dirinya. Saya juga menjadi tidak tentu hala serta tidak boleh fokus kepada kehidupan.

Saya sedar, saya tidak mempunyai cara lain kecuali memberitahu perkara ini kepada keluarga tetapi tidak tahu untuk memulakannya.

Saya risau bagaimana untuk memberitahu mereka dan pada waktu yang sama tidak mahu kehilangan A. Hati ibu bapa perlu dijaga.

RISAU,
JOHOR


! Cinta adalah keberanian. Cinta juga penyakit manakala perasaan adalah kumannya. Apabila cinta itu keberanian, Dr harap adik mempunyai keberanian memberitahu perhubungan adik dengan A (seorang yang bukan beragama Islam) kepada ibu bapa.

Tidak dapat dinafikan, bimbingan dan sokongan mereka dalam menjayakan perhubungan adik dengan A adalah penting.

Cinta itu satu keikhlasan dan rasa bertanggungjawab. Jika wujud keikhlasan bercinta dengan A, adik perlu bertanggungjawab atas cinta ini.

Ini termasuk memberitahu ibu bapa bahawa adik mempunyai hubungan istimewa dengan A. Mainan fikiran bahawa mereka mungkin akan membantah hubungan ini menambahkan bebanan adik.

Cinta bukan berkaitan jarak dan kekerapan ber-



temu tetapi ia soal hati. Jarak bukanlah penghalang kepada rasa cinta.

Dewasa ini, suburnya hubungan cinta boleh melalui kaedah teknologi moden seperti telefon, Internet dan khidmat pesanan ringkas.

Apabila adik menyedari bahawa cinta bukan jarak

dan kekerapan berjumpa, perasaan rindu terhadap A tetap ada.

Indahnya, adik tidak takut berasa kehilangan. Ini kerana adik dan A tetap setia walaupun tidak selalu berjumpa.

Percintaan memang ada batasannya. Seorang Mus-

lim perlu berhati-hati dalam persoalan hati yang membatikan seorang yang berlainan agama.

Sistem perundangan syariah di Malaysia menyatakan bahawa tiada lelaki boleh berkahwin dengan wanita bukan Islam kecuali seorang 'Kitabiyah'.


Dalam surah al-Baqarah pada ayat 221 ada menyatakan, maksudnya: "Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk agama Islam) dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik, sekalipun keadaannya menarik hati kamu."

Orang kafir itu mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga dan memberi keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (keterangan-keterangan hukum-Nya) kepada umat manusia supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya)."

Ruang hati A nampaknya sudah agak terbuka untuk menerima Islam. A nampak sungguh berminat dengan agama Islam. Inilah peluang terbaik adik untuk membimbing A mendalami lagi agama Islam.

Adik sendiri perlu mempunyai keyakinan yang tinggi untuk dapat membimbing A mendalami agama Islam.

Perencanaan adalah permainan manusia. Allah menentukan. Sekiranya apa-apa yang direncanakan tidak berlaku, hikmah ada di sebaliknya. Kita perlu bersyukur dan yakin apa yang ditentukan Allah buat kita, itulah yang terbaik (Hamka).



Tidak suka orang hipokrit

? Saya ingin bertanya apa pandangan Dr mengenai jenis pemimpin yang hanya pandai berjanji tetapi tidak pernah menunaikan apa yang dijanjikan? Pemimpin ini juga suka mengambil kesempatan daripada kesusahan orang lain.

Saya sering mengikuti perkembangan politik dan berasa risau jika ramai pemimpin yang mempunyai sifat sebegini. Jika negara mempunyai ramai pemimpin begini, tentunya ia akan memberi kesan kepada kesejahteraan negara.

PEMERHATIPOLITIK,
KUALALUMPUR

! Keamanan dan ketenteraman negara bukan satu anugerah. Rakyat perlu berusaha kuat untuk menjaga dan mengekalkan keamanan negara.

Keamanan negara tercipta yang dirosakkan oleh pemimpin yang hanya pandai berjanji tetapi tidak pandai menunaikannya adalah sesuatu yang malang.

Pemimpin yang gah berkempen dan menabur janji ketika pilihan raya tetapi sukar menunaikan janji membuatkan pengundi be-

rasa cuak untuk memilihnya lagi sebagai pemimpin pada pilihan raya akan datang.

Seterusnya, sikap tidak rasional dan ketaasaban dalam amalan berpolitik juga bakal menafikan keamanan negara.

Memang wujud golongan yang hanya melihat politik dari satu sudut dan berasa begitu terikat dengan ideologi politik yang dianutinya.

Tidak dinafikan, dalam kehadiran pemimpin yang berwibawa, terdapat segelintir pemimpin yang memang hebat berjanji kepada pengundi semasa kempen pilihan raya tetapi gagal menu-

naikan apa yang dijanjikan itu.

Pemimpin jenis ini mengambil kesempatan atas penderitaan rakyat dan suka mengeksploitasi rakyat. Ia boleh meruntuhkan negara.

Dalam konteks berhadapan dengan pemimpin jenis ini, rakyat perlu berhati-hati serta peka dengan sikap pemimpin yang sebegini.

Hak mengundi di tangan rakyat. Justeru, rakyat sebagai pengundi perlu bijak memilih pemimpin yang benar-benar ingin berbakti kepada agama, bangsa dan negara.